



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PENYEMPURNAAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**PROGRAM SAMBUTAN ANAK MERDEKA
BERSEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-67 TAHUN**

**31 OGOS 2024 (SABTU)
3.00 PETANG**

**DEWAN UTAMA
MEMORIAL TUN HUSSEIN ONN
KUALA LUMPUR**

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(disediakan secara berasingan)

PENDAHULUAN

1. Kita baru selesai sambutan **Hari Kebangsaan yang ke-67** di Dataran Putrajaya dengan penuh gilang gemilang. Kehadiran orang ramai dalam acara ini membuktikan semangat patriotik yang kekal subur dalam kalangan rakyat Malaysia pelbagai bangsa, agama dan budaya.
2. Acara tahunan ini turut diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
3. Pada tahun ini, tema yang dipilih adalah "**Malaysia Madani: Jiwa Merdeka**" dan tema ini menekankan pentingnya mencapai kemerdekaan sebenar dalam jiwa dan membentuk masyarakat yang bertamadun dan beradab. **Jiwa merdeka bermaksud memiliki identiti dan jati diri yang kukuh sebagai rakyat Malaysia yang merdeka dan berdaulat.**

4. Justeru, saya mengambil kesempatan untuk mengajak seluruh rakyat menggembeleng tenaga untuk bersama-sama menjaga keharmonian demi keamanan negara kita tercinta ini. Tunjukkan bahawa Malaysia boleh menjadi negara contoh kepada dunia yang mengangkat agenda **Perpaduan Dalam Kepelbagaian**.
5. Saban tahun Arkib Negara Malaysia menganjurkan program meraikan **Sambutan Anak Merdeka** ini. Sambutan ini bertujuan mengukuhkan identiti kebangsaan dan semangat patriotisme dalam membentuk generasi yang memahami dengan lebih mendalam sejarah kemerdekaan negara.
6. Sebagai Anak Merdeka kalian mempunyai tanggungjawab yang besar dalam **menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan dan menanam pohon-pohon keharmonian** dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya.
7. **Era kolonialisme** (penjajahan secara langsung) telah berakhir dan boleh dikatakan semua negara di dunia telah mencapai kemerdekaan. Kini kita berhadapan dengan penjajahan bentuk baharu ini yang lebih dikenali sebagai **neo-kolonialisme** yang dilakukan menerusi tipu daya, penyaluran pengaruh fikiran, budaya, ideologi dan sebagainya melalui media sosial.

8. Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun VT

Sambanthan adalah antara figura yang sering kita jadikan contoh dan rujukan serta dijulang sebagai arkitek yang membina jambatan perpaduan yang diwariskan kepada kita.

9. Harus diingat kejayaan mereka menyatupadukan pelbagai etnik yang ada di Tanah Melayu ketika itu membolehkan kita memenuhi syarat British seterusnya memperoleh kemerdekaan. **Semangat dan roh mereka yang bersandarkan kepada kebersamaan dengan satu matlamat** yang utama iaitu mencapai kemerdekaan dari penjajah membolehkan generasi hari ini menikmati erti kebebasan yang sebenarnya.

10. Saya menyeru agar generasi pasca Merdeka khususnya golongan muda untuk sentiasa menjadikan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai panduan dan asas rukun kehidupan sehari-hari. Kepelbagaian rakyat Malaysia merupakan satu kelebihan dan aset yang amat penting dan berharga dalam pembangunan negara. Jadi semua mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan negara kita terus aman, harmoni dan sentosa.

11. Akhir sekali, sempena sambutan hari Kebangsaan Malaysia bagi tahun ini yang bertemakan “Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka”, **kita haruslah mengambil peluang dan ruang bersama-sama sebagai satu entiti menghayati erti sebenar kemerdekaan** kerana ia akan menaikkan lagi semangat patriotisme cintakan tanah air dalam diri masing-masing.
12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua Anak Merdeka. Semoga Panjang umur dan diberkati selalu.

Dengan ini saya merasmikan **Program Sambutan Anak Merdeka 2024**.

Sekian, terima kasih.